

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat projek-projek pembangunan untuk Wilayah Persekutuan Labuan selain daripada pemasangan 180 buah kamera litar tertutup yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, dalam Belanjawan MADANI 2025, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM11 juta untuk meningkatkan keselamatan awam di Putrajaya dan Labuan. Peruntukan ini akan digunakan untuk memasang 180 unit kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi serta 45 butang panik di kedua-dua Wilayah Persekutuan tersebut.
2. Inisiatif ini bertujuan membantu pihak berkuasa tempatan meningkatkan tahap keselamatan di kawasan awam, khususnya di sekitar pusat bandar dan lokasi strategik di Labuan. Langkah ini dijangka memberikan rasa lebih selamat kepada penduduk tempatan, pelabur perniagaan dan pelancong.
3. Selain itu, Belanjawan 2025 turut memperuntukkan RM7 juta sebagai diskaun tambang feri untuk penumpang feri dan bot di Labuan, serta peningkatan kadar Bantuan Am Wilayah Persekutuan kepada RM150 sebulan dengan had maksimum RM500 satu keluarga.
4. Selain inisiatif Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Wilayah Persekutuan Labuan turut diperuntukkan projek pembangunan lain di bawah *Rolling Plan 5 Tahun 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)*. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Ekonomi, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak **90 program dan projek** dengan jumlah kos keseluruhan bernilai **RM1.66 bilion** untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Program dan projek ini melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Pecahan daripada jumlah tersebut, 22 adalah program dan projek baharu, manakala 68 merupakan program dan projek sambungan.

NO SOALAN: 2

5. Program dan projek baharu yang telah diluluskan merangkumi pelbagai sektor penting seperti **infrastruktur air, perumahan, serta kemudahan awam** yang melibatkan sektor **pendidikan, rekreasi, pengangkutan, dan kesihatan**. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka memberi manfaat yang besar kepada penduduk Labuan secara keseluruhan, selain menyokong pelbagai industri yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan.
6. Walau bagaimanapun, Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi sedang dalam penyediaan perancangan projek pembangunan bagi RMK-13 dan Yang Berhormat Senator dialu-alukan untuk memberi input sekiranya ada, bagi tujuan pembangunan khususnya projek-projek infrastruktur baharu di Wilayah Persekutuan Labuan, seiring dengan pendekatan RMKe-13 iaitu agihan DE bersasar dan tatakelola yang lebih baik.
7. Dalam hubungan ini, Jabatan Wilayah Persekutuan akan berusaha merancakkan aktiviti pelancongan, dengan memastikan keterhubungan pengangkutan udara dan laut diperbaiki, jumlah kemudahan penginapan ditambah, di samping memudahcara urusan *transhipment* supaya ekonomi Labuan bertambah rancak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI**

TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) adakah pihak Kementerian mempunyai data yang khusus berkaitan isu gelandangan terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- b) apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian atau melalui kerjasama dengan pihak luar, seperti NGO, untuk memastikan kebajikan golongan gelandangan sentiasa terpelihara.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu gelandangan merupakan isu yang sering dihadapi oleh bandar-bandar besar di seluruh dunia termasuklah Kuala Lumpur. Sebagai menggalas tanggungjawab bagi menangani isu ini, Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha membantu golongan gelandangan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan bermaruah. Usaha ini dibuat secara kolaboratif bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), SWCorp dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan. Pihak Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama-sama Kementerian dan agensi berkaitan telah melaksanakan Operasi Bersepadu Mengambil Orang Papa di Kuala Lumpur sebanyak 3 kali sepanjang tahun 2024. Bilangan keseluruhan gelandangan yang diambil adalah seramai 232 orang.

2. Pada tahun 2019, hasil cerapan Kementerian Wilayah Persekutuan bersama DBKL mendapati seramai 1,128 orang bergelandangan di Kuala Lumpur. Namun begitu pada tahun ini, sebanyak tiga (3) kali cerapan telah diadakan iaitu pada 14 Februari 2024, 6 Jun 2024 dan 3 September 2024 di lima (5) zon hot spot di Kuala Lumpur yang dikenal pasti oleh pihak DBKL iaitu di sekitar Menara Bangkok Bank, Menara Raja Laut dan Public Bank Raja Laut, Jalan Masjid India, Menara Takaful Kampung Attap dan Kompleks TLK Brickfields. Hasil cerapan tersebut adalah masing-masing seramai 414 orang, 122 orang dan 213 orang. Hasil kerjasama dan komitmen semua pihak dilihat telah memberi impak dan kesan positif ke atas penurunan bilangan gelandangan daripada cerapan terdahulu pada tahun 2019.

NO SOALAN: 20

3. Sebahagian gelandangan telah diambil oleh jabatan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Selebihnya, gelandangan dinasihatkan untuk menghuni di lokasi penempatan sementara gelandangan iaitu di Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) Medan Tuanku dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Anjung Kembara).
4. Kebajikan golongan gelandangan sentiasa dipelihara khususnya melalui agihan makanan di pusat-pusat penempatan sementara gelandangan dengan kerjasama NGO yang berdaftar dengan DBKL dan YKN seperti Kechara Soup Kitchen, PERTIWI Soup Kitchen dan Yellowhouse. Sehingga kini, sebanyak 10 NGO berkolaborasi dengan DBKL manakala 16 NGO dengan YKN. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua NGO di luar sana yang berhasrat untuk memberi makanan, supaya terus mendaftar dengan pihak DBKL agar program agihan makanan boleh dilakukan secara berpusat dan terancang di pusat-pusat yang dikhaskan.
5. Pusat-pusat penempatan sementara gelandangan ini turut berfungsi sebagai pusat kegiatan setempat seperti penganjuran program penjodohan pekerjaan (job matching) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2016, seramai 2,026 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.
6. Sebagai tambahan, program intervensi berbentuk peningkatan kemahiran dan keusahawanan yang telah diadakan telah berjaya menarik minat seorang gelandangan untuk membuka kiosk menjahit kasut di stesen LRT Dang Wangi.
7. Pengurusan gelandangan di Kuala Lumpur tidak seharusnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya di peringkat PBT sahaja. Ia seharusnya menuntut penglibatan dan komitmen pelbagai kementerian dan agensi. Isu seperti gelandangan warga emas berpenyakit, gelandangan yang dikenalpasti mempunyai masalah gangguan mental, gelandangan yang mempunyai penyakit serius seperti HIV, siflis, penyakit kulit dan sebagainya, serta gelandangan yang memegang kad UNHCR perlu ditangani dengan sebaiknya.

NO SOALAN: 20

8. Oleh itu, komitmen setiap kementerian dan agensi adalah dimohon untuk sama-sama bekerja melalui pendekatan *whole of nation* dalam menghadapi isu gelandangan di Kuala Lumpur terutamanya menjelang Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH

TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status atau laporan terkini mengenai isu sinkhole yang baru-baru ini berlaku di tengah bandar Kuala Lumpur dan adakah Kerajaan telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi berbahaya dan berkemungkinan kejadian yang sama berulang, terutamanya semasa peredaran angin monsun.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahpun mempergiat kerja-kerja baikpulih serta penyediaan pelaporan akhir bagi insiden lubang benam yang berlaku pada 23 Ogos 2024. Status semasa ialah, kerja-kerja baikpulih tapak lubang benam kedua iaitu berhadapan bit Polis Jalan Masjid India telahpun siap sepenuhnya dan jalan serta lorong berhampiran telahpun dibuka kepada orang awam pada 10 November 2024 yang lalu.
2. Walau bagaimanapun, kawasan ground zero iaitu di hadapan Wisma Melayu itu masih kita tutup untuk kerja-kerja pembaikan fasa terakhir dan insya-Allah kerja-kerja tersebut akan dijangka selesai pada hujung Disember 2024. Jadi, awal tahun depan insya-Allah aktiviti-aktiviti biasa ataupun normal akan dapat dilaksanakan kembali. Kerja-kerja tersebut dijangka selesai pada hujung Disember 2024. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang membuat kompilasi ulasan-ulasan daripada pelbagai agensi untuk dimasukkan bersama di dalam laporan serta data serta analisis data siasatan tanah yang telah dijalankan.
3. Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan telah bersetuju memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi membantu DBKL untuk menjalankan kerja-kerja kajian geoteknikal struktur lapisan tanah di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.